



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERBANDINGAN PEMIKIRAN AL-FĀRĀBĪ DENGAN AL-DIHLAWĪ TENTANG
KONSEP *NUBUWWAH* DALAM KITAB *ARĀ' ĀHL AL-MADĪNAH AL-FĀDĪLAH*
DAN *ḤUJJAH ALLĀH AL-BĀLIGHAH*

MOHD NAZRI BIN MAT ZIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (USULUDDIN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk membandingkan konsep *nubuwwah* mengikut perspektif al-Fārābī (m. 950M) dan al-Dihlawī (m. 1763M) berdasarkan kitab *Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* dan *Hujjah Allāh al-Bālighah*. Kajian ini juga mengkaji rahsia syariat (*asrār al-syarī'ah*) dan kebenaran perutusan para Nabi sebagaimana yang diketengahkan oleh kedua-dua tokoh tersebut. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif secara penyelidikan kepustakaan. Ia menggunakan metode induktif, deduktif dan komparatif dalam menganalisis data-data penyelidikan dan membuat perbandingan terhadap pemikiran kedua-dua tokoh. Dapatan kajian mendapati bahawa kriteria *al-quwwah al-mutakhayyalah* (daya imaginasi) dan *mufahhamūn* (golongan yang diberi faham) merupakan sifat para Nabi yang telah berjaya membangunkan peradaban tamadun manusia. Penjelasan konsep *nubuwwah* al-Fārābī secara rasional dan al-Dihlawī berdasarkan wahyu telah membenarkan perutusan risalah para Nabi dalam membangunkan ummah. Justeru, para Nabi boleh dijadikan model kepada ummah khususnya pemimpin dalam membina sebuah negara yang unggul. Di samping itu, hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh tersebut tentang kebenaran para Nabi dapat menyangkal keingkaran golongan anti hadis dan nabi palsu dalam kalangan masyarakat kini. Namun, penyelidikan yang lebih komprehensif pada masa hadapan perlu dilaksanakan bagi memperkemaskan lagi pemahaman tentang konsep *nubuwwah* tersebut.





COMPARISON BETWEEN THOUGHTS OF AL-FĀRĀBĪ AND AL-DIHLAWĪ CONCERNING THE CONCEPT OF NUBUWWAH IN ARĀ' AHL AL-MADĪNAH AL-FĀḌILAH AND ḤUJJAH ALLĀH AL-BĀLIGHAH

ABSTRACT

This study aims at comparing the concept of *nubuwwah* from the perspective of two Islamic scholars, al-Fārābī (d. 950C) and al-Dihlawī (d. 1763C) based on the books of *Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* and *Ḥujjah Allāh al-Bālighah*. It also examines the secret of *syariah* (*asrār al-syarī'ah*) and the truth of the message of the Prophets as presented by the two scholars. This study is qualitative in nature, where the inductive, deductive and comparative methods are used in analysing data and comparing their thoughts. The results of the study reveal that the prophets' nature of *al-quwwah al-mutakhayyalah* (the faculty of imagination) and *mufahhamūn* (learned personalities) are the characteristics of a perfect human being and appropriate to be regarded as an excellent role model in order to develop a human civilization. The explanation of the al-Fārābī's concept of *nubuwwah* is based on the rational and revelation authentication of prophetic theory of al-Dihlawī which supports the role of the prophets in human development. This excellent role model makes an impact on the development of excellent nation. The arguments presented by both scholars about the truth of the Prophets could be used as an argument against those who are labelled as anti-*hadith* and false Prophet. It is suggested that more comprehensive studies in the future should be conducted in order to improve the comprehension regarding the concept of *nubuwwah*.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Kepentingan Kajian	19
1.4 Rasional Pemilihan Tokoh dan Kitab Kajian	25
1.5 Objektif Kajian	29
1.6 Soalan Kajian	30
1.7 Skop Kajian	30
1.8 Definisi Operasi Kajian	32
1.9 Tinjauan Kajian Lepas	38
1.10 Metodologi Kajian	53



1.11 Struktur Penulisan	58
1.12 Kesimpulan	61

BAB 2 AL-FĀRĀBĪ DAN KARYANYA ARĀ' AHL AL-MADĪNAH AL-FĀḌĪLAH SERTA AL-DIHLAWĪ DAN KARYANYA ḤUJJAH ALLĀH AL-BĀLIGHAH

2.1 Pendahuluan	62
2.2 <i>Al-Fārābī</i> Dan Karyanya <i>Arā' Ahl Al-Madīnah al-Fāḍilah</i>	63
2.2.1 Biodata al-Fārābī	63
2.2.2 Latar Belakang Peribadi dan Keluarga	65
2.2.3 Latar Belakang Pendidikan	66
2.2.4 Ketokohan al-Fārābī Dalam Pelbagai Bidang Ilmu	71
2.2.5 Hasil-Hasil Karya al-Fārābī	74
2.2.6 Al-Fārābī Sebagai Guru Kedua (<i>al-Mu'allim al-Thānī</i>)	78
2.2.7 Kitab <i>Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah</i>	80
2.2.7.1 Latar Belakang Kitab	81
2.2.7.2 Isi Kandungan Kitab	83
2.2.7.3 Metodologi dan Keistimewaan Kitab	84
2.3 <i>Al-Dihlawī</i> Dan Karyanya <i>Hujjah Allāh al-Bālighah</i>	87
2.3.1 Biodata al-Dihlawī	87
2.3.2 Latar Belakang Peribadi dan Keluarga	90
2.3.3 Latar Belakang Pendidikan	93
2.3.4 Ketokohan Imām al-Dihlawī Dalam Pelbagai Bidang Ilmu	96
2.3.5 Hasil-Hasil Karya al-Dihlawī	101
2.3.6 Al-Dihlawī Sebagai Seorang <i>Mujaddid</i>	102
2.3.7 Kitab <i>Ḥujjah Allāh al-Bālighah</i>	108
2.3.7.1 Latar Belakang Kitab	109
2.3.7.2 Isi Kandungan Kitab	113
2.3.7.3 Metodologi dan Keistimewaan Kitab	115
2.4 Kesimpulan	120

BAB 3 KONSEP NUBUWWAH DALAM AL-QURAN, AL-SUNNAH DAN AHLI FALSAFAH

3.1 Pendahuluan	122
3.2 Definisi <i>Nubuwwah</i>	123
3.2.1 Definisi Bahasa	123
3.2.2 Definisi Istilah Syarak	124
3.2.3 Definisi Nabi dan Rasul Serta Perbezaanya	124





3.3	<i>Nubuwwah</i> Menurut al-Quran	135
3.3.1	Istilah <i>Nubuwwah</i> dan Nabi dalam al-Quran	135
3.3.2	Misi dan Tujuan Kenabian	137
3.3.3	Konsep Wahyu	142
3.3.3.1	Dari Sudut Bahasa	143
3.3.3.2	Dari Sudut Istilah Syarak	144
3.3.3.3	Cara Penurunan Wahyu Kepada Para Nabi	145
3.3.4	Kewajipan Keimanan Kepada Para Nabi dan Rasul	148
3.3.5	Konsep ‘ <i>Iṣmah</i> (Keterpeliharaan) Para Nabi	155
3.3.5.1	‘ <i>Iṣmah al-Rusūl</i> (Keterpeliharaan) dari Sudut Bahasa	155
3.3.5.2	‘ <i>Iṣmah</i> (Keterpeliharaan) Pada Syarak	156
3.3.5.3	Bahagian ‘ <i>Iṣmah</i>	157
3.3.6	Mukjizat Para Nabi dan Rasul	159
3.4	<i>Nubuwwah</i> Menurut al-Sunnah	166
3.5	<i>Nubuwwah</i> Menurut Ahli Falsafah	168
3.6	Kesimpulan	176

BAB 4 KONSEP NUBUWWAH MENURUT AL-DIHLAWĪ DAN AL-FĀRĀBĪ



4.2 Konsep <i>Nubuwwah</i> Menurut al-Fārābī	179
4.2.1 Jiwa dan Akal Mendasari Hakikat Kenabian	180
4.2.1.1 Kekuatan Akal dan Imajinasi Para Nabi	185
4.2.1.2 Pengaruh Imajinasi Terhadap Wahyu Kenabian	192
4.2.1.3 Mukjizat Kenabian	194
4.2.2 Hubungan Kenabian Dengan Politik Dan Moral	196
4.2.2.1 Kepimpinan (<i>al-Imāmah</i>) dan Negara Terbaik (<i>al-Madīnah al-Fāḍilah</i>)	196
4.2.2.2 Para Nabi Sebagai Pemimpin Utama (<i>al-Rā'is al-Awwal</i>) Negara Terbaik (<i>al-Madīnah al-Fāḍilah</i>)	200
4.2.2.3 Dua Belas Sifat Para Nabi	206
4.2.3 Fungsi Para Nabi	216
4.2.3.1 Nabi Sebagai <i>Imām</i>	217
4.2.3.2 Nabi Sebagai Raja atau Pemerintah	219
 4.3 Konsep <i>Nubuwwah</i> Menurut al-Dihlawī	 222
4.3.1 Maksud <i>Nubuwwah</i> dan Nabi	223
4.3.2 Hubungan <i>Nubuwwah</i> dengan Teori Alam (Kosmologi)	225
4.3.2.1 <i>Shakhṣ al-Akbar</i>	228
4.3.2.2 ' <i>Ālam al-Mithāl</i> '	229
4.3.2.3 <i>al-Mala'</i> <i>al-A'alā</i> dan <i>Ḥazīrat al-Quds</i>	231
4.3.3 Wahyu Kenabian	235





4.3.4 Sifat <i>'Ismah</i> (Keterpeliharaan Para Nabi)	240
4.3.5 Mukjizat Para Nabi	243
4.3.5.1 Sebab-Sebab Berlaku Mukjizat	243
4.3.6 Rahsia Kebangkitan Para Nabi	246
4.3.6.1 Nabi Sebagai Rahmat Allah SWT Kepada Manusia	247
4.3.6.2 Nabi Sebagai Penyelamat dan Suri Teladan	248
4.3.6.3 Nabi Membimbing Jiwa dan Akal Manusia	253
4.3.7 <i>Mufahhamūn</i> dan Pewaris Nabi	262
4.3.7.1 Maksud <i>Mufahhamūn</i> dan Ciri-cirinya	262
4.3.7.2 Pewaris Nabi	270
4.4 Kesimpulan	273

BAB 5 ANALISIS PERBANDINGAN KEDUA-DUA TEORI NUBUWWAH DARIPADA AL-FĀRĀBĪ DENGAN AL-DIHLAWĪ

5.1 Pendahuluan	275
5.2 Analisis Istilah-Istilah Khas al-Fārābī Dan al-Dihlawī	276
5.2.1 <i>'Aql al-Fa'āl</i> dan <i>al-Mala' al-A'alā</i>	277
5.2.2 <i>Al-Quwwah al-Mutakhayyalah</i> dan <i>Mufahhamūn</i>	284
5.3 Analisis Rahsia Syariat (<i>Asrār al-Syari'ah</i>) al-Fārābī Dan al-Dihlawī	289
5.3.1 Maksud Rahsia Syariat (<i>Asrār al-Syari'ah</i>) Konsep <i>Nubuwwah</i>	289
5.3.2 Hikmah Perutusan Para Nabi dan Rasul	290
5.4 Perbandingan Konsep <i>Nubuwwah</i> al-Dihlawī Dan al-Fārābī	298
5.2.1 Hakikat Kenabian	298
5.2.1.1 Hubungan Kenabian dengan Tuhan dan Alam	299
5.2.1.2 Hubungan Kenabian dengan Politik dan Moral	307
5.2.1.3 Keadaan Fizikal, Akal dan Jiwa Nabi	313
5.2.2 Sifat dan Ciri-ciri Nabi dan Rasul	321
5.2.3 Tugas dan Peranan Para Nabi	331
5.2.4 Wahyu Kenabian dan Mukjizat	337
5.5 Kesimpulan	344





BAB 6 PENUTUP

6.1 Rumusan	348
6.2 Saranan	369
6.3 Cadangan Kajian Lanjutan	371

BIBLIOGRAFI	374
--------------------	-----

LAMPIRAN



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

3.1	Perbezaan Nabi dan Rasul	134
5.1	Istilah-istilah Khas al-Fārābī dan al-Dihlawī	288
5.2	Rahsia-rahsia Syariat (<i>Asrār al-Syarī'ah</i>) Konsep <i>Nubuwwah</i> al-Farabi dan al-Dihlawi	297
5.3	Perbandingan Hakikat Kenabian Menurut al-Fārābī dan al-Dihlawī	318
5.4	Perbandingan sifat dan ciri para Nabi menurut al-Fārābī dan al-Dihlawi	329



**SENARAI KEPENDEKAN**

AS	‘Alayh al-Salam
Bil.	Bilangan
Cet.	Cetakan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
et al.	Pengarang dan lain-lain
ed.	Editor
H	Hijrah
Hj.	Haji
Juz.	Juzuk
Jil.	Jilid
m.	Meninggal
M	Masihi
RA	Raḍiya Allāh ‘Anhu
SAW	Ṣalla Allāh ‘Alayh Wa Sallam
SWT	Subḥānah Wa Ta‘āla
Terj.	Terjemahan
t.t.	Tanpa Tahun
t.tp	Tanpa Tempat Penerbit
t.p.	Tanpa Penerbit





PANDUAN TRANSLITERASI

ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN
ا، ء، أ	a, ' (hamzah)	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sy	ه، ة	h, h/t
ص	ṣ	ي	y

Pendek: a = اَ ; i = اِ ; u = اُ

Panjang: ā = اَ ; ī = اِي ; ū = اُو

Diftong: ay = اِي aw = اُو

Beberapa istilah Arab yang telah dimelayukan digunakan serta dikekalkan dalam bahasa Melayu dari sudut ejaannya seperti akidah, sahsiah, ulama, Rasulullah dan sebagainya. Begitu juga dengan istilah bahasa Inggeris yang telah dimelayukan.





SENARAI LAMPIRAN

- A Muka Hadapan Kitab *Arā’ ‘Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*
- B Muka Hadapan Kitab *Ḥujjah Allāh al-Bālighah*
- C Senarai Karya al-Fārābī dan al-Dihlawī





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Golongan ulama mempunyai sumbangan yang signifikan dalam sejarah perkembangan Islam. Golongan ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam usaha-usaha penyebaran Islam, malah turut bertanggungjawab mentajdīdkan semua lapisan masyarakat Islam. Kajian ini memfokuskan kepada dua tokoh ulama Islam iaitu al-Fārābī (m. 950M) dan Shāh Walī Allāh al-Dihlawī (m. 1763M).

Al-Fārābī adalah seorang tokoh Falsafah Islam tersohor hingga kini dan pernah memikul tugas sebagai *qāḍī* pada zamannya (Idris Zakaria, 1985: 44). Beliau juga digelar sebagai Guru Kedua (*Mu'allim Thānī*) disebabkan minat dan komitmennya yang tinggi dalam bidang falsafah khususnya falsafah Yunani (Mian Mohammad Sharif, 1963: 458).





Sementara al-Dihlawī pula merupakan antara *mujaddid* India yang terkemuka pada abad ke-18 M sehingga beliau digelar *mujaddid* alaf kedua (*alf al-thānī*) (Zainuddin Idris, 2007: 12). Antara sumbangan beliau yang penting ialah usahanya menghapuskan perselisihan pendapat di antara sesama umat Islam serta menghilangkan semangat fanatik dan taklid daripada jiwa mereka.

Sehubungan itu, kajian pemikiran seseorang tokoh memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka pemikiran insan ke arah pembangunan masyarakat yang sempurna dan harmoni. Ia mampu mencorakkan seluruh aktiviti kehidupan manusia berdasarkan landasan syariat Allah SWT. Pembentukan pemikiran Islam bermula daripada akidah, syariat, akhlak dan lain-lain. Akidah merupakan asas utama dalam Islam. Ia ibarat tapak kepada sesebuah bangunan. Ia merupakan teras utama yang tertanam dalam jiwa manusia dan berperanan mengemudi seluruh keupayaan mental dan fizikal manusia ke arah melaksanakan perintah Allah SWT. Semua rukun iman wajib diyakini sepenuhnya tanpa mengurangkan salah satunya. Justeru, pengajaran dan pemahaman tentang akidah amat ditekankan supaya setiap rukun akidah dapat dihayati dengan sempurna tanpa ada penyelewengan dan salah faham. Dalam tradisi Islam, pengetahuan tentang akidah khususnya untuk mengenal Allah SWT dan RasulNya dianggap sebagai pengetahuan yang paling tinggi dan teragung (Sayyid Sābiq, t.t.: 19).

Setelah beriman kepada Allah SWT, umat Islam wajib mengimani para Nabi sebagai utusan Allah SWT yang membawa mesej atau wahyuNya untuk disampaikan kepada umat manusia. Persoalan keimanan kepada para Nabi termasuk dalam perkara *nubuwwah*. Secara umumnya, *nubuwwah* merupakan suatu bentuk perkhabaran yang disampaikan oleh Allah SWT kepada manusia melalui hamba-hamba pilihanNya iaitu para Nabi. Persoalan tentang *nubuwwah* menjadi persoalan yang besar dan





dibincangkan dalam pelbagai aliran pemikiran. Jadi, fokus perbincangan dalam penulisan ini mengenai teori kenabian al-Fārābī dan perbandingan dengan konsep *nubuwwah* menurut Imām al-Dihlawī.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perbahasan konsep *nubuwwah* adalah satu perbahasan utama di dalam ilmu akidah Islam selepas keimanan kepada Allah SWT. Ia juga merupakan salah satu rukun iman yang wajib dipelajari dan difahami serta diamalkan oleh semua individu Muslim sebagaimana firman Allah SWT:

ءَاٰمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا اُنْزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلُّ ءَاٰمَنَ بِاللّٰهِ



وَمَلٰئِكَتِهٖ ۚ وَكُتِبَ عَلَيْهِ وُرْسُلُهٗ ۚ لَا نَفَرَقَ بَيْنَ اَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهٖ ۚ وَقَالُوْا

سَمِعْنَا وَاَطَعْنَا ۚ غُفْرٰنَكَ رَبَّنَا ۚ وَاِلَيْكَ الْمَصِيْرُ ۝۲۸۵

Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya”. Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali. (al-Baqarah, 2: 285)

Ayat di atas menyatakan bahawa Rasulullah SAW tidak bersikap seperti golongan Yahudi yang beriman kepada Nabi Mūsa AS dan kufur terhadap Nabi ‘Īsa AS, manakala golongan Nasrani mempercayai Nabi Mūsa AS dan Nabi ‘Īsa AS tetapi kufur pula terhadap Nabi Muḥammad SAW (al-Ṭabarī, 1992: 150). Tafsiran ayat tersebut juga memfokuskan kepada *ithbāt al-nubuwwah* iaitu penetapan kenabian dan kemunculan mukjizat Nabi. Fungsi ayat ini juga adalah untuk menafikan sikap para





Nabi yang tidak memilih Nabi-nabi tertentu untuk beriman, malah mereka beriman secara keseluruhan (al-Andalūsī, 1993: 380).

Justeru, ayat di atas mewajibkan umat Islam untuk beriman dengan Nabi Muḥammad SAW dan para Nabi sebelumnya. Beriman kepada Nabi dan Rasul Allah SWT merupakan salah satu rukun iman. Tanpa keimanan tersebut, hidup manusia hanya sia-sia bahkan akan mendapat azab di akhirat kelak. Para Nabi dan Rasul adalah perantaraan antara Allah SWT dengan makhluk dalam menyampaikan risalahNya serta menegakkan ajaranNya yang benar. Beriman kepada Nabi dan Rasul adalah dengan meyakini risalah dan menetapkan kenabian mereka serta meyakini bahawa para Nabi dan Rasul menyampaikan dan menjelaskan seluruh risalahNya tanpa pengurangan sedikit pun. Justeru, umat Islam dapat melaksanakan segala suruhan Allah SWT dengan jelas dan sempurna (Sayyid Sābiq, t.t.: 173-175). Sesiapa yang memusuhi para Rasul bahkan memusuhi salah seorang daripada para Nabi dan Rasul, maka ia juga memusuhi Allah SWT. Sesiapa yang taat kepada Allah SWT, maka ia juga taat kepada para Nabi dan RasulNya dan begitulah sebaliknya (Sayyid Sābiq, t.t.: 175). Justeru, itulah ayat di atas mewajibkan umat Islam untuk beriman kepada seluruh utusan Allah SWT bukan hanya menerima mana-mana Nabi dan Rasul yang dirasakan sesuai dengan dirinya sahaja.

Perbahasan tentang *nubuwwah* biasanya dibahaskan dalam kitab akidah Islam, seperti kitab *Matan Jawharah al-Tauḥīd*, *al-Īmān*, *‘Aqā’id al-Ṭaḥāwī* dan lain-lain. Lazimnya ulama membincangkan persoalan *nubuwwah* berkaitan dengan maksud Nabi, perbezaan antara Nabi dan Rasul, sifat wajib bagi Rasul, sifat mustahil dan harus bagi Rasul. Selain itu, perbahasan *nubuwwah* juga hanya menyentuh sejarah hidup para





Nabi dan berkaitan dengan akhlak serta mentakwilkan kecacatan yang terdapat pada para Nabi seperti masalah penyakit yang menimpa Nabi Ayūb AS.

Penjelasan tentang konsep *nubuwwah* yang tidak merangkumi matlamat dan hikmah perutusan para Nabi dan Rasul secara menyeluruh menyebabkan ramai dalam kalangan umat Islam salah faham tentang konsep *nubuwwah* sehingga berlakunya gejala kesesatan akidah. Munculnya pelbagai fenomena kesesatan akidah sama ada terpengaruh atau mengikuti ajakan dan ajaran seseorang yang mengaku sebagai nabi atau golongan nabi palsu mahupun terpengaruh dan tergolong dalam golongan anti hadis. Hal ini juga disebabkan sikap seseorang yang suka bertaklid buta ataupun jahil dan tidak memahami ajaran agama sebagaimana yang dituntunkan para *salaf al-ṣāliḥ* (Bahagian Penyelidikan Jakim, t.t.: 4; Abdul Fatah Haron, 1990: 124).



Secara umumnya, sejak zaman Nabi Muhammad SAW hinggalah kepada zaman kini, umat Islam tidak pernah sunyi daripada penyelewengan akidah dan penyebaran ajaran sesat khususnya golongan nabi palsu. Antara tokoh-tokoh nabi palsu yang terdahulu dan mempunyai ramai pengikut adalah Musailamah (m.10H/632M)¹ dan Mirza Ghulam Ahmad (1840M-1908M)². Mereka disifatkan sebagai berpengaruh dalam pemikiran dan akidah umat Islam zamannya. Walaupun aktiviti mereka dipantau dan dihapuskan oleh pihak yang bertanggungjawab, namun fenomena ini masih wujud hingga kini sama ada dalam bentuk mahupun amalan yang berlainan. Namun, asas dan dasarnya sama iaitu, mendakwa bahawa mereka mendapat wahyu daripada Tuhan

¹ Berasal daripada Kota Yamamah dan mengaku menjadi Nabi pada akhir zaman Nabi SAW. Rentetan itu, beliau diberi gelaran Musailamah al-Kazzab oleh Nabi SAW. Suka berdusta dan memiliki ramai pengikut. Dibunuh oleh para sahabat pada zaman Abū Bakr al-Ṣiddiq dalam perang Yamāmah (al-Ṭabarī, 1970, 3: 295 dan Ibn Kathīr, 1997, 5: 50-52).

² Berasal dari Qadiyan, India. Mengaku sebagai Nabi dan al-Masih. Para pengikutnya (Qadiyaniah atau Ahmadiyah) tersebar ke Eropah, Amerika, Afrika, dan Asia (al-Qifārī dan al-‘Aql, 1992: 151).





untuk menjadi nabi atau rasul bahkan menjadi Imam Mahdi, antaranya Ayah Pin³ dan Abdul Kahar Ahmad.⁴ Doktrin utama dalam ajaran Ayah Pin adalah mendakwakan dirinya sebagai Tuhan dan Nabi Muhammad SAW merupakan manusia biasa dan sesiapa sahaja boleh mengatasi Nabi SAW (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2005: 106-107; Wan Mohd Azam, 2013: 8). Manakala “Rasul Melayu” atau Abdul Kahar Ahmad yang muncul pada tahun 2009 membuat dakwaan palsu dengan mengisytiharkan dirinya sebagai Rasul sekali gus menghina ajaran Islam (Siti Zubaidah, 2010: 252).

Salah faham tentang konsep *nubuwwah* ini menyebabkan golongan masyarakat terjebak dengan gejala keruntuhan akidah yang meruncing sehingga membawa kepada gejala murtad (Abdul Majid Omar, 2008: 12). Bahkan membawa kepada perpecahan dan permusuhan sesama umat Islam khususnya apabila sesebuah ajaran berkenaan mendakwa bahawa orang yang selain daripada kumpulan mereka adalah salah sehingga mengkafirkan antara satu sama lain (Abdul Majid Omar, 2008: 14).

Golongan anti hadis pula berpegang kepada “Ajaran al-Qur’an Menolak Hadith” dan ia telah muncul di Amerika Syarikat hasil garapan seorang pemikir Islam, Rashad Khalifa. Rashad sebelumnya turut menggemparkan umat Islam seluruh dunia apabila memperkenalkan Kod 19, yang merupakan suatu penyelewengan besar kepada pentafsiran dalam al-Quran (Ishak Sulaiman, 2001: 50). Di Malaysia, ajaran ini mula diperkenalkan dan dikembangkan sejak 1985 oleh tiga “tokoh pemikir” yang amat takjub dengan keupayaan akal mereka sendiri, iaitu Kassim Ahmad, Abdul Manan

³ Ajaran yang dikenali dengan nama ‘Zikrullah Ayah Pin’ atau ‘Ratib Kuat Ayah Pin’ muncul di Hulu Besut Terengganu. Mula dikesan sejak tahun 1985. Ajaran ini merupakan pecahan daripada ajaran Hasan Anak Rimau. Antara penyelewengannya mengakui sebagai Tuhan. Menjalankan kegiatan pengajaran dan perjumpaan antara pengikut dan guru menyebabkan mereka sukar dikesan (Abdul Haris, 2002: iii).

⁴ Mendakwa sebagai rasul, terlibat dalam doktrin bertentangan syarak, melanggar arahan mufti dan mempersenda Islam (Siti Zubaidah Ismail, 2010: 252).





Harun dan Othman Ali (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2005: 29; Mohd Al'ikhsan, Azwira & Faisal, 2011: 49-50). Usaha golongan ini menolak hadis sebagai salah satu sumber hukum Islam bukan sahaja melalui buku-buku, malah juga disebarkan melalui pelbagai bentuk penulisan seperti penulisan risalah *Iqra'*, artikel dalam media cetak dan kegiatan-kegiatan lain seperti majlis diskusi, forum, ceramah, usrah dan sebagainya. Buku dan risalah (seumpama bacaan) menjadi medium utama kerana sebahagian besar pengamal ajaran ini merupakan intelektual yang tahu menulis apa sahaja (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2005: 31; Mohd Al'ikhsan, Azwira & Faisal, 2011: 52). Selain daripada ajaran tersebut, golongan anti hadis juga kini tersebar melalui ideologi-ideologi moden yang meresap masuk ke dalam ajaran Islam seperti Islam liberal⁵, Islam sekular⁶, pluralisme agama⁷ dan lain-lain lagi.



Kejahilan dan salah faham tentang konsep *nubuwwah* juga menyebabkan seseorang mengkritik kesempurnaan sifat para Nabi dan Rasul khususnya berkaitan dengan *'ismah* para Nabi. Antaranya Kassim Ahmad (1986: 4) yang menolak kema'*şuman* para Nabi, sebagaimana katanya: "Jika para nabi itu *ma'şum*, mereka bukan lagi manusia. Jika mereka bukan manusia, bolehkah mereka menjadi teladan kepada manusia?". Beliau juga menolak keautoritian Hadis sebagai sumber utama ajaran Islam dan menganggap bahawa Hadis merupakan satu catatan sejarah semata-mata (Mohd al-Ikhsan & Faisal, 2011: 57).

⁵ Memahami nas-nas agama (al-Quran dan al-Sunnah) dengan menggunakan akal fikiran yang bebas dan hanya menerima doktrin-doktrin agama yang sesuai dengan akal fikiran semata-mata (Mohd Roslan, 2009: 195-196).

⁶ Memisahkan urusan dunia daripada agama, agama hanya digunakan untuk mengatur hubungan peribadi dengan Tuhan, sedangkan hubungan sesama manusia diatur berdasarkan kesepakatan sosial (al-Attas, 1993: 16-18).

⁷ Suatu fahaman yang mengakui bahawa semua agama adalah sama dan kebenaran setiap agama adalah relatif. Oleh itu, setiap penganut agama tidak boleh mendakwa bahawa hanya agamanya sahaja yang benar sedangkan agama lain adalah salah. Pluralisme agama juga mengajarkan bahawa semua penganut agama akan masuk dan hidup berdampingan di syurga (John Hick, 1989: 10).





Terdapat juga golongan yang hanya menerima sebahagian Hadis dan menolak sebahagian yang lain khususnya ahli bidaah. Antaranya mereka mengingkari tentang Hadis yang berkaitan dengan sihir yang menimpa Rasulullah SAW. Mereka menganggap bahawa Hadis ini akan menjatuhkan kedudukan *nubuwwah* dan memberi keraguan ke atas sifat *'ismah* Nabi (al-'Asqallānī, 2005: 226). Hadis tersebut berdasarkan sabda Nabi SAW:

يا عائشة أشعرت أن الله أفتاني فيما استفتيته فيه. أتان رجلان فقعد أحدهما عند رأسي والآخر عند رجلي. فقال أحدهما لصاحبه: ما وجع الرجل؟ فقال: مطبوب. قال: من طبه؟ قال: لبيد بن الأعصم. قال: في مشط ومشاطة وجف طلع نخلة ذكر. قال: وأين هو؟ قال: في بئر ذروان. فأتاها رسول الله (ص) في ناس من أصحابه فجاء فقال: يا عائشة كأن ماءها نقاعة الحناء أو كان رعوس نخلها رعوس الشياطين. قلت: يا رسول الله أفلا استخرجته؟ قال: قد عافاني الله فكرهت أن أثور على الناس فيه شرا.



“Wahai ‘Aishah, apakah engkau merasakan bahawa Allah SWT telah mendatangkan fatwa ketika aku benar-benar memerlukannya? Telah datang kepadaku dua orang lelaki, lalu salah seorang daripadanya duduk berhampiran kepalaku, dan seorang lagi berhampiran kakiku.” Berkata lelaki yang berada berhampiran kepala kepada temannya yang berada berhampiran kakinya: “Apakah penyakit lelaki ini?” Lalu dijawab: “Terkena sihir.” Berkata lagi: “Siapa yang menyihirnya”, lalu dijawab “Labid bin al-A’sam. Berkata lagi: “Dengan (bahan) apa (disihir)?”, lalu dijawab: “Pada sikat dan rambut, dan kemudian dibungkus dengan seludang tamar jantan muda.” (Lelaki itu) bertanya lagi: “Di mana letaknya benda itu.” Lalu dijawab: “Di dalam telaga Dharwan.” Maka Rasulullah SAW mendatangi telaga itu bersama dengan beberapa orang sahabat Baginda SAW. (Setelah kembali) Nabi SAW berkata: “Wahai ‘Aishah, telaga yang aku lihat itu airnya berwarna kemerah-merahan seperti inai. Rupanya pohon tamar itu seperti kepala-kepala syaitan.” Aku (‘Aishah) bertanya: “Ya Rasulullah, kenapa tidak dikeluarkan sahaja benda itu?” Baginda menjawab: “Jangan! Allah telah menyembuhkan daku. Aku tidak suka mengenakan kejahatan seperti ini ke atas orang lain.” (al-Bukhārī, 2002: *Bāb al-Siḥr*, 5763, 1458)

Peristiwa ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW harus terkena sihir, sebagaimana harusnya Rasulullah SAW demam dan seumpamanya. Cuma kesan yang dihadapi oleh Rasulullah SAW tidak sepertimana yang dihadapi oleh umatnya. Ini





adalah kerana sifatnya sebagai seorang Nabi dan Rasul yang terpelihara dari angkara jin dan manusia (Aizan Ali & Mohd Yakub, 2003: 121).

Kemaksuman sifat para Nabi dan Rasul dibincangkan secara mendalam oleh pelbagai golongan ulama kerana termasuk dasar akidah yang wajib dipercayai oleh setiap umat Islam. Jelaslah bahawa para Nabi dan Rasul semestinya dipelihara oleh Allah SWT kerana mereka adalah wakil Allah SWT untuk membawa manusia ke jalan yang benar. Kesempurnaan mereka seharusnya menjadi teladan kepada umat manusia sama ada dari sudut zahir mahupun batin dan bukan mempertikaikan kredibiliti mereka dengan membuta tuli dan mengikut nafsu semata-mata.

Dengan sebab nafsu dan kuasa juga terdapat golongan manusia yang mempertikaikan kemukjizatan para Nabi dan Rasul khususnya mukjizat Nabi Muhammad SAW. Antaranya ajaran Bahaiyyah yang diasaskan oleh Mirza Husain Ali yang digelar ‘al-Bahā’ yang tidak mempercayai al-Quran sebagai mukjizat. Hal ini kerana mereka menganggap bahawa Bahaiyyah adalah agama yang paling tinggi dan mulia di antara agama-agama lain. Manakala ‘al-Bahā’ telah mendapat ‘lauh-lauh’ sucinya sama ada dalam bahasa Parsi atau dalam bahasa Arab. Walaupun dirinya tidak pernah mendapat pendidikan daripada mana-mana pusat ilmu dan bukan seorang ahli ilmu namun segala ujian dan bencana yang besar menyimpannya dijadikan alasan sebagai mukjizat yang membuktikan kerasulannya (Muhammad Abdurrahman, 2013: 8). Ini bermakna beliau mengakui dirinya sebagai utusan Allah SWT yang lebih tinggi daripada para Nabi dan mendapat wahyu dan mukjizat daripadanya. Maka, para Nabi dan segala risalahnya ditolak sama sekali. Dalam hal ini, umat Islam perlu memahami secara mendalam asas akidah yang menjadi teras kepercayaan umat Islam khususnya kepercayaan kepada para Nabi dan Rasul. Hal ini supaya tidak berlaku penyelewengan





dan salah faham terhadap konsep *nubuwwah* yang menjadi teras keimanan umat Islam seluruhnya.

Berdasarkan kenyataan di atas, gejala kesesatan akidah ini perlu diatasi dengan sebaik mungkin kerana ia sentiasa wujud dari semasa ke semasa yang disebabkan kurangnya kefahaman secara mendalam tentang akidah Islam. Tambahan pula, umat Islam terpaksa mendepani arus globalisasi yang semakin jauh dengan nilai-nilai agama. Justeru, pemahaman tentang konsep *nubuwwah* ini seharusnya diterapkan dalam kehidupan umat Islam sejak daripada kecil lagi. Hal ini dapat dilaksanakan dengan memantapkan kurikulum pengajian akidah dalam sistem pendidikan negara. Ia merupakan perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam kerana sistem pendidikan negara merupakan perkara utama yang membentuk hala tuju kehidupan umat Islam.



Menurut Mohd Fauzi Hamat (2002: 31-32), penggubal kurikulum dalam sistem pendidikan negara perlu mempersembahkan ilmu-ilmu Islam berasaskan pendekatan bersepadu yang mengaitkan disiplin pengajian akidah dengan disiplin-disiplin sains tulen, sains terapan/gunaan dan sains sosial. Hal ini kerana kedatangan penjajah telah menyebabkan sistem pendidikan negara membahagikan mata pelajaran kepada dua bidang yang berasingan iaitu pengajian agama dan akademik. Dalam persaingan antara kedua-dua pengajaran tersebut, pengajaran agama tidak begitu mendapat penghargaan kerana pelajar hanya diperkenalkan dengan persoalan ketuhanan atau kenabian yang kurang dikaitkan dengan semua aspek kehidupan manusia. Gambaran ketuhanan dan kenabian juga sering didedahkan dalam bentuk yang kaku dan kabur sehingga pelajar sukar menghayatinya. Guru agama yang kurang terdedah kepada mata pelajaran Sains dan Kemanusiaan pula kurang mampu menghubungkan akidah tauhid itu dengan





kegiatan saintifik dan teknologi. Akibatnya pengajaran yang disampaikan tidak difahami sebagai suatu falsafah hidup yang menyeluruh.

Pengintegrasian di antara ilmu agama (wahyu) dengan ilmu akal juga amat penting bagi menjadikan ilmu bersifat menyeluruh sebagai teras dengan menggabungkan penghayatan ilmu, iman dan amal. Ia dianggap usaha berterusan yang mengintegrasikan proses penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan bahasa serta pemupukan nilai-nilai murni secara menyeluruh berlandaskan konsep pendidikan seumur hidup (Zuraidah & Aizan, 2014: 23). Tambahan lagi, konsep pendidikan bersepadu merupakan keistimewaan Islam. Ia berlawanan dengan aliran pemikiran Barat yang memisahkan ilmu kepada dua bahagian yang disebut sebagai teologi dan sains atau *religious knowledge* di Barat. Dalam Islam, sebagai contoh, bidang teologi dan sains tidak bercanggah antara satu sama lain dan saling melengkapi. Kedua-duanya lahir daripada pandangan yang satu iaitu tauhid (Mohd Kamal Hasan, 1988: 25).

Dalam sistem pendidikan, walaupun terdapat beberapa pembahagian ilmu seperti ilmu akidah, syariah dan akhlak, namun ia tetap berada dalam satu lingkaran konsep bersepadu yang membawa keseimbangan antara akal dan wahyu. Dasar pendidikan yang memberi penekanan kepada aspek pembinaan manusia yang seimbang dan sepadu dari segi akal, rohani dan jasmani merupakan satu keperluan. Sistem pendidikan yang bersifat dualistik akan menimbulkan kesukaran untuk melahirkan manusia yang seimbang dari segi mental, jasmani dan rohaninya (Zuraidah & Aizan, 2014: 26). Dualisme yang dimaksudkan ialah kurikulum yang memisahkan di antara pengajaran agama (kerohanian) dengan disiplin-disiplin akal yang lain. Penekanan kepada disiplin akal secara keterlaluan mengakibatkan berlaku pengabaian kepada aspek keagamaan (kerohanian). Hasilnya lahirlah dua kumpulan generasi muda yang





berbeza. Pertama, kumpulan pelajar yang terlalu mementingkan daya intelek tanpa penghayatan agama dan kerohanian yang tinggi. Kedua, kumpulan ahli agama yang tidak dapat menguasai ilmu dari disiplin akhlah. Dualisme merupakan masalah utama dalam menghasilkan manusia yang seimbang (Zuraidah & Aizan, 2014: 27).

Sebagai sebuah negara yang pernah dijajah, pembentukan falsafah pendidikan turut melibatkan pemikiran-pemikiran daripada ahli pendidikan asing. Sifat sekularisme mereka telah dijadikan acuan kepada negara dan kebudayaan negara. Kepercayaan kepada Tuhan dipisahkan dari proses kognitif dalam pendidikan formal yang berasaskan sekularisme. Tanpa disedari umat Islam menerimanya dengan penuh keyakinan. Pembentukan sahsiah individu Islam dalam masyarakat Islam hari ini tidak berkesan sepenuhnya jika sistem pendidikan di peringkat yang lebih tinggi yang melatih bakal pemimpin negara tidak didasarkan kepada Islam dari segi intelektualnya. Mereka akan menyerah dengan mudah kepada paradigma epistemologi Barat yang lebih dominan dan popular (Zuraidah & Aizan, 2014: 27).

Memetik analisis yang dilakukan oleh Tajul Ariffin Noordin terhadap status pendidikan di universiti, Zuraidah Othman dan Aizan Ali @ Mat Zin (2014: 28) menyenaraikan beberapa masalah dan kepincangan yang dikenal pasti. Pertama, tajuk-tajuk dan kursus-kursus yang bersifat mengkhusus dan sempit (walaupun agak mendalam), tidak dapat memberikan pengertian bermakna dan mungkin juga akan hilang kelazatan penghayatan ilmunya. Lantaran itu, ilmu yang dipelajari tidak dikaitkan dengan bidang-bidang lain dalam kehidupan. Kedua, ilmu yang dipelajari secara terpisah dan terlalu mengkhusus boleh melemahkan kreativiti pelajar-pelajar. Keadaan ini membuatkan mereka merasakan disiplin dan tajuk-tajuk yang dipelajari sahaja penting. Tanpa disedari mereka telah mengehadkan maklumat yang mahu

